



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 12/2026

JELAJAH RAKAN MUDA @ TAMAN BATIK KBS PERKASA PEMBANGUNAN BELIA AKAR UMBI

14 FEBRUARI 2026

1. YB Menteri Belia dan Sukan, Dr. Mohammed Taufiq bin Johari telah merasmikan **Kalendar Mega Rakan Muda 2026 dan Program Jelajah Rakan Muda @ Taman Batik, Sungai Petani, Kedah** hari ini. Program ini berperanan sebagai platform strategik untuk mendekati belia serta memperkasa pembangunan komuniti di peringkat akar umbi secara inklusif dan berterusan.
2. Program ini menghimpunkan pelbagai pengisian berimpak tinggi merangkumi aktiviti mencuba kemahiran, pertandingan aerobathon dan mewarna kanak-kanak, perkhidmatan komuniti percuma seperti penukaran minyak motosikal dan gunting rambut, selain pameran, Jualan Rahmah, pemeriksaan kesihatan serta inisiatif pertukaran Al-Quran lama dengan penglibatan usahawan tempatan. Kepelbagaian pengisian ini membuktikan bahawa **Rakan Muda kekal relevan sebagai wadah pembangunan belia yang inklusif**, responsif terhadap keperluan semasa masyarakat dan menyantuni pelbagai lapisan komuniti.
3. Selari dengan kerangka **Malaysia MADANI** yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat dan ihsan, pelaksanaan **Jelajah Rakan Muda** bertujuan melahirkan generasi belia yang berakhlak mulia, berkemahiran, berdaya tahan serta bertanggungjawab dalam menyumbang kepada pembangunan negara.
4. Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut melancarkan inisiatif **Kalendar Mega Rakan Muda: "1 Bulan 1 Gaya Hidup Rakan Muda"**, iaitu pendekatan pelaksanaan program secara berterusan sepanjang tahun. Setiap bulan akan memberi tumpuan kepada satu dimensi pembangunan belia merangkumi aspek kesukarelawanan, kesihatan, kemahiran, keusahawanan, kreativiti, kelestarian alam sekitar dan kepimpinan belia.

Inisiatif ini bertujuan membentuk ekosistem pembangunan belia yang konsisten, tersusun dan berimpak tinggi.

5. Sebagai tanda komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh gerakan belia di peringkat komuniti, YB Menteri turut mengumumkan bahawa **222 Kelab Rakan Muda sedia ada di bawah Parlimen yang masih aktif**, serta **Kelab Rakan Muda baharu yang akan didaftarkan di bawah seliaan Pejabat Belia dan Sukan Daerah**, akan menerima **Bantuan Aktiviti sehingga RM5,000** bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan belia di peringkat akar umbi.
6. Selain itu, Kelab Rakan Muda lain yang telah berdaftar dan aktif di Parlimen yang sama turut digalakkan untuk memohon **Dana Rakan Muda, Dana Sukan Komuniti** atau lain-lain dana sedia ada daripada kerajaan. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penubuhan kelab belia yang lebih berstruktur, memperluas skop aktiviti komuniti serta melahirkan kepimpinan belia yang progresif dan berdaya saing.
7. Kementerian Belia dan Sukan akan terus komited memastikan **tiada belia yang tercicir daripada arus pembangunan negara**, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menempatkan belia sebagai teras utama pembinaan masa depan negara.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai program Jelajah Rakan Muda @ Taman Batik, sila hubungi talian 03-8871 3611 atau e-mel ke jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

